

SPPK ganti UPSR 2011?

u.m m/s 10 10.5.07

Oleh WAHID HASHIM
(WARTAWAN UTUSAN)

APAKAH bentuk pentaksiran di sekolah menjelang 2011?

Kalau melihat kepada kerangka dasar pentaksiran 2011, maka peperiksaan berpusat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) seolah-olah sudah tidak sesuai lagi.

Pentaksiran akan menjadi lebih anjal dan terbuka, bentuk pelaporan yang bersifat kualitatif selain kuantitatif serta keseluruhan sistem yang lebih berfokus kepada membangunkan modal insan, dalam erti kata yang sebenar.

Kementerian Pelajaran telah memikirkan hal itu, dan projek pilot di Sekolah Kluster dan beberapa sekolah harian terpilih, akan dilancarkan pada Julai ini.

Buat pertama kalinya, Pengarah Lembaga Peperiksaan Malaysia, Datu Dr. Adi Badiozaman Tuah, mengambarkannya ciri dan bentuk pentaksiran baru itu, yang beliau cadangkan namanya sebagai Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK).

Ketika memberitahu *Utusan Malaysia* di Kuala Lumpur baru-baru ini, katanya peperiksaan berpusat seperti UPSR, Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sangat berpusatkan kepada akademi.

Sedangkan di bawah SPPK, katanya, penilaian tidak lagi tertumpu kepada akademik, tetapi turut mentaksir bagaimana penguasaan kemahiran, kecekapan, dan tatakelakuan murid dalam aspek lain.

"Pentaksiran penguasaan itu memang ada dibuat oleh pihak sekolah sekarang, malangnya tidak diambil kira oleh pihak lembaga dalam membuat penempatan ke atas prestasi murid," ujar beliau.

Jadi, pentaksiran baru akan mengambil kira kegiatan kokurikulum. Hal ini sejajar dengan dasar mewajibkan setiap pelajar mengambil salah satu bidang, sama ada sukan, pemilihan kelab sukan atau badan beruniform.



DI BAWAH Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK), penilaian tidak lagi tertumpu kepada pencapaian akademik semata-mata.

- Gambar hiasan

kan, digerakkan dan dibina oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia, tetapi dibuat dan ditaksir oleh guru sekolah, contohnya Pentaksiran Kerja Amali (Peka), ujian lisan dan Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA).

Sementara itu, peperiksaan berpusat dikendalikan sepenuhnya oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia - contohnya UPSR, PMR dan SPM.

ta, katanya, kerana sijil itu bukan sahaja bernilai kerana dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran, tetapi juga ada nilai pasaran kerana diiktiraf oleh badan profesional.

Beliau juga memberitahu, beberapa komponen penting kurikulum bersepadu sekolah rendah dan menengah seperti pentaksiran sekolah terhadap muridnya secara berterusan akan menjadi

tidak semestinya setaraf dengan kebolehan matematik, jadi dia belum layak menduduki kertas Bahasa Melayu - dia hanya ambil satu kertas sahaja (Matematik)," katanya.

Hal ini bermakna kemahiran matematik kanak-kanak itulah yang akan dibina, dan dikembangkan.

Menurut Adi Badiozaman, keanjalan sistem peperiksaan sekarang membe-

Kata Adi Badiozaman, pentaksiran ini akan menjangkau juga mutu penglibatan murid, dan kemahiran yang mereka peroleh dalam pelbagai kegiatan itu serta ciri-ciri kepimpinan yang mereka perlihatkan semasa berpersatuan atau bermasyarakat.

“Dengan ini, harapan kita adalah supaya pentaksiran kebangsaan ini dapat memberi gambaran sebenar tentang keupayaan pelajar dalam bidang tertentu,” ujarnya.

Lebih jauh lagi, tambah beliau: “Kita hendak melihat modal insan individu yang holistik, sedangkan penilaian berpusat hanya dapat melihat satu aspek sahaja iaitu akademik.”

Kecenderungan

Kata beliau, laporan prestasi juga menyatakan tentang sahsiah murid – minat dan kekuatan dalamannya serta sikap terhadap kecenderungannya.

Menurut beliau, kesemua itu perlu dinilai untuk membantu seseorang murid tumbuh dan berkembang melalui minat, keupayaan dan potensinya.

Untuk tujuan itu, data individu boleh dikumpulkan melalui siri ujian psikometri seperti *aptitude test*, *interest test*, *general ability test* dan sebagainya.

Selain itu, beliau memberitahu, Kementerian Pelajaran akan menggunakan pakai dan mengiktiraf secara lebih meluas akan komponen pentaksiran yang dibuat oleh pihak sekolah sendiri, yang dikenali sebagai pentaksiran berasaskan sekolah dan pentaksiran oleh sekolah.

Pentaksiran berasaskan sekolah (*school-base assessment*) bermakna kerangka disediakan oleh pihak luar tetapi dilaksanakan oleh pihak sekolah, sementara pentaksiran oleh sekolah (*school assessment*) bermakna keseluruhan proses dibuat oleh pihak sekolah sendiri – termasuklah penilaian ke atas pelajar, sementara pentaksiran di bilik darjah (*class room assessment*) yang dilaksanakan ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Katanya, pentaksiran bilik darjah ialah sebahagian daripada pentaksiran oleh sekolah.

Contoh pentaksiran oleh sekolah ialah ujian penggal, ujian bulanan dan peperiksaan percubaan, yang dikendalikan oleh pihak sekolah sendiri, tanpa ada arahan pihak Lembaga Peperiksaan.

Sedangkan, pentaksiran berasaskan sekolah ialah peperiksaan yang dimula-

Kini, kata beliau, pentaksiran oleh sekolah serta pentaksiran di bilik darjah akan menjadi fokus di bawah SPPK, kata Adi Badiozaman.

Hal ini membawa kepada penurunan kuasa kepada guru di sekolah untuk mentaksir anak murid sendiri.

“Data seseorang murid akan lebih holistik dan ini lebih berguna dalam merencana program jangka pendek dan jangka panjang untuk membentuk modal insan,” ujarnya.

Katanya, pentaksiran akademik sahaja tidak membantu kita dalam jangka panjang, “Kerana keperluan jangka panjang kita mahu kekuatan dalam itu (bukan akademik sahaja).”

Ketika ditanya berapa peratuskan pemerkahan holistik individu secara pentaksiran oleh sekolah dan semasa dalam kelas berbanding pemberat pentaksiran berpusat yang akan dimasukkan ke dalam keseluruhan SPPK, Adi Badiozaman berkata:

“Belum ditentukan lagi, hal itu diputuskan setelah kita adakan perbincangan dengan pihak sekolah dan para profesional.”

Selain itu, beliau memberi penekanan bahawa pentaksiran kokurikulum di bawah SPPK oleh pihak sekolah perlu dilaksanakan secara sistematik.

Sebagai contoh, katanya, pentaksiran seseorang pelajar tidak boleh sekadar mencatat kehadiran sahaja, atau jawatan yang disandang.

“Kita mesti laporkan kemahirannya sekali,” tegas beliau.

Beliau memberi contoh lagi, dalam sukan bola sepak, yang perlu dicatat dalam laporan pentaksiran adalah apakah bentuk kemahirannya. Untuk mencapai status yang lebih baik dan tepat, maka pihak sekolah melalui Kementerian Pelajaran perlulah menjalin kerjasama dengan pihak luar yang ada kepakaran dalam bidang-bidang tertentu.

“Misalnya kalau pelajar kita menjadi ahli kelab drama, kita mesti dapat membuat pentaksiran tentang ilmunya dalam bidang drama ...Tetapi dari segi persembahannya kita perlu mendapat kerjasama daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kerana mereka ada kepakaran,” ujar beliau.

Kata Adi Badiozaman, seperti juga bidang sukan yang perlu penglibatan badan yang bertauliah dalam kepakaran itu, bidang perakaunan juga ada badannya, dandan, fesyen rambut – juga perlu pengiktirafan daripada badan yang berkaitan.

Hal ini umpama serampang dua ma-

labahan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di bawah SPPK.

“Hal ini bermakna keputusan pentaksiran akan digunakan untuk menambah baik P&P,” katanya.

Katanya, murid yang telah dikenal pasti lemah setelah didiagnosis, akan dibantu melalui program pemulihan (remedial).

Bagi yang cerdas dan pantas berbanding dengan teman sekelas, akan disediakan dengan bimbingan supaya boleh pergi lebih jauh ke hadapan melalui program pengayaan.

Fizikal

“Misalnya, kalau dari segi pengetahuan dan kecekapan membaca, mengira dan menulis dia layak untuk berada di kelas yang lebih tinggi, maka murid itu bolehlah diberi kesempatan untuk mengikuti kurikulum yang mendahului usianya.

Bagaimanapun, murid itu tidak semestinya secara fizikal diletakkan di dalam kelas yang lebih tinggi, kalau dia secara emosi masih belum bersedia berada dengan orang lebih berusia berbanding dengannya, kata Adi Badiozaman.

“Tetapi di kelas yang sedia ada, murid itu akan dibimbing dan dibentuk oleh guru.

Murid itu diberi pendedahan dengan kurikulum yang lebih tinggi berbanding dengan rakan sekelasnya,” katanya.

Contohnya, kata beliau, baru-baru ini, seorang kanak-kanak yang bijak dalam matematik, tetapi belum cukup kematangan dari segi bahasa.

“Jadi kalau kita hanya mengukur matematik untuk meletakkan dia di tempat yang lebih tinggi sedangkan dalam bidang lain dia belum bersedia, maka ini akan menjejaskan peluangnya untuk tumbuh secara biasa.

“Kita tidak mahu kerugian orang yang mempunyai potensi,” ujar beliau.

Di bawah SPPK, beliau memberitahu, pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia akan membawa kurikulum Matematik yang tinggi itu ke dalam kelas kanak-kanak itu, tetapi dia masih dibimbing bersama-sama ‘kumpulannya yang selayak dengannya dari segi keperluan kematangan.

“Sebagai contoh, walau dia masih berada dalam tahun empat tetapi dari segi kelayakannya setanding dengan murid tahun enam, bermakna dia layak menduduki UPSR pada usia tahun empat.

“Tetapi, penguasaan bahasa Melayu

narkn amalannya dipaparkan terbuka seperti itu – cuma belum dilaksanakan sepenuhnya.

“Yang kita perakukan sudah ada tetapi kita belum laksanakan sepenuhnya,” ujarnya.

Menurut beliau, kalau guru mencaangkan kependaian murid itu sudah sampai ke tahap kemahiran PMR, maka dia boleh dicadangkan untuk mengambil PMR walau masih tahun enam kerana menurut guru dia sudah bersedia.

“Inilah peranan penting guru mentaksir insan,” katanya.

Kata beliau, dalam persekitaran Sekolah Kluster yang para pelajarnya memang cemerlang dalam akademik dan kokurikulum, sekolah mempunyai kebebasan memilih tajuk atau topik dan mengubahsuainya mengikut kesesuaian murid.

“Sebagai contoh, pelajar tingkatan satu yang cemerlang boleh mengikuti sukatan pelajaran tingkatan dua jika difikirkan sesuai,” katanya.

Adi Badiozaman memberitahu, sebagai percubaan, pihaknya akan melaksanakan projek pilot terhadap pendekatan pentaksiran baru ini di Sekolah Kluster – mengambil kira supaya guru menggunakan bahan ujian psikometrik untuk mengenali dengan lebih mendalam muridnya dan menggunakan maklumat itu untuk menentukan hala tuju mereka, apa minat dan kecenderungan mereka serta potensi mereka.

Selain itu, beliau memberitahu, pilot juga akan dilakukan di beberapa buah sekolah harian biasa yang bukan dalam kelompok kluster.

Beliau memberitahu, pihaknya juga telah menyediakan instrumen Pentaksiran Aktiviti Jasmani (PAJ) bagi kegiatan seperti kokurikulum dan lain-lain seumpamanya.

“Di bawah PAJ, pentaksiran penglibatan murid bukan sekadar diukur sama ada dia hadir atau tidak, atau jawatan yang disandangnya, tetapi meliputi juga kemahirannya dalam apa juga bidang yang diceburinya.

Menurut beliau PAJ ialah salah satu daripada komponen SPPK – yang mencakupi segala bentuk pentaksiran yang lebih menggambarkan seorang pelajar sebagai individu atau insan – bukan hanya satu aspek sahaja iaitu akademik.

Tambah beliau: “Hal yang cukup membanggakan saya dengan sistem ini ialah kita menjadikan guru lebih berwibawa dan lebih bertanggungjawab... kita menurunkan kuasa kepada guru.”